

Ruj. Kami : ANM.PK.G/ 600-1/1/2 Jld.4(34)
Tarikh : 11 Februari 2021

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PELAKSANAAN PROGRAM PERGERAKAN GAJI TAHUNAN (ZRPY070)

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) sudah boleh dilaksanakan dengan menggunakan program Pergerakan Gaji Tahunan (ZRPY070).
3. Sehubungan itu, **program ini akan dilaksanakan mulai PGT bulan April 2021**. Dengan pelaksanaan program ini, PTJ tidak perlu lagi menyediakan Borang Perubahan Gaji Kew. 320 dan ia akan mengurangkan beban tugas PTJ kerana tidak perlu kunci masuk setiap nombor gaji yang terlibat dengan PGT ke dalam Sistem HCM.
4. Program ini akan dilaksanakan berterusan mengikut bulan PGT. PTJ hendaklah melakukan tindakan ini pada bulan-bulan PGT iaitu Januari, April, Julai dan Oktober mengikut Jadual Input Gaji bagi bulan-bulan tersebut.
5. Adalah menjadi tanggungjawab PTJ untuk menyemak dengan betul terhadap maklumat di Laporan PGT yang dijana melalui ZRPY070 ini. PTJ hendaklah mencetak Laporan Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) yang dijana dan yang berjaya dikemaskini. Laporan-laporan tersebut hendaklah ditandatangani oleh Penyedia dan Pengesah. Laporan ini hendaklah disimpan dengan teratur dan kemas.
6. Bersama-sama ini disertakan Manual Prosedur Kerja PGT, Manual Pengguna PGT dan slide penerangan proses ZRPY070 untuk rujukan dan tindakan tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

**UNIT GAJI
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK**